



Buletin Edisi 8 / 2015

hospital pitas
Pesakit Didahulukan
Kesehatan Diutamakan

HOSPITAL PITAS

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Peti Surat 88, 89100 PITAS, SABAH
Tel : 088-676100 Fax : 088-611203

Web-mail : hpitas@moh.gov.my

buletin.hpitas@moh.gov.my



Microsoft Outlook Web App

TALASEMIA

Success Story of 'Bone Marrow Transplant'

EKSA
Penjenamaan Semula



Perkhidmatan BARU
HEMODIALISIS

Berita
SMRC

debaran
Akreditasi

Hari Keluarga

PERKIPS
Menggalas WIBAWA

TIPS & TRICKS



Kementerian Kesihatan
Malaysia



Meja Bantuan 1GovUC

03-8000 8000

(1MOCC Hotline)

80008000@1mocc.gov.my



Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi:
1MOCC: 03 8000 8000 | www.1govuc.gov.my

PENERAJU

RAKAM
STRATEGIK





Perutusan PENGARAH HOSPITAL



Warga Hospital Pitas yang dikasihi,

Berlambungnya tirai tahun 2015 telah mengabadikan seribu kenangan dalam lipatan sejarah Hospital Pitas. Tahun 2015 adalah satu tahun yang amat padat dengan aktiviti sepanjang tahun. Antara peristiwa penting yang berlaku adalah kunjungan daripada Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia Dato Seri Dr. Hilmi Hj. Yahya dan juga Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan Dato' Dr. Hj. Azman bin Hj. Abu Bakar.

Kita juga menerima kedatangan pasukan EKSA daripada Hospital Kota Belud yang telah melakukan 'benchmarking' di jabatan ini.


Pada tahun 2015 juga telah mencatatkan sejarah di mana Hospital Pitas buat julung kalinya telah mendapat sijil pengiktirafan amalan EKSA, setelah 5 tahun membuat persediaan dengan mendapat kategori Baik. Malah, Hospital Pitas juga berjaya menemпуhi penilaian Akreditasi kitar Ke-2 bagi edisi ke-4 daripada Surveyor MSQH pada penghujung tahun yakni pada 7hb - 9hb Disember 2015, untuk mendapatkan pensijilan akreditasi. Oleh itu, kerjasama dan komitmen daripada semua kakitangan amatlah diperlukan untuk meneruskan gagasan dan cabaran yang besar ini demi memartabatkan lagi mutu perkhidmatan sector perubatan.

Selain itu, Hospital Pitas juga melakar sejarah apabila telah berjaya membuka satu unit baru iaitu Unit Hemodialisis yang telah dirasmikan pada 4hb November 2015 oleh ADUN N3 Pitas Datuk Bolkih Hj. Ismail. Unit ini telah mula beroperasi pada 30hb November 2015. Dengan wujudnya perkhidmatan hemodialisis di hospital ini, maka pesakit-pesakit buah pinggang kronik yang selama ini menjalani rawatan dialisis di luar daerah boleh mendapatkan rawatan di Hospital Pitas. Sesungguhnya peristiwa-peristiwa besar dan kecil yang telah berlaku sepanjang tahun 2015, telah memberikan banyak pengajaran dan pengalaman yang amat bermakna buat semua kakitangan. Pengalaman yang kita perolehi ini akan mematangkan serta menguatkan kita untuk menghadapi cabaran-cabaran lebih besar pada masa akan datang.

Sebagai penjawat awam yang profesional, kita mestilah berupaya untuk meng - adaptasikan diri dengan keadaan dan cabaran semasa, mempunyai sikap dinamik serta fleksibel supaya perkhidmatan yang diberikan sentiasa relevan dan sejajar dengan arus masa. Kita sewajarnya harus mengutamakan kepentingan jabatan dan bekerja secara berpasukan sekiranya kita ingin mencapai aspirasi jabatan untuk menjadi satu fasiliti kesihatan yang cemerlang dan berkualiti tinggi di Malaysia. Saya percaya sekiranya semua kakitangan sentiasa melakukan yang terbaik dalam apa jua tanggungjawab yang diamanahkan, nescaya Hospital Pitas boleh menjadi teladan dan sumber inspirasi bagi jabatan-jabatan lain.

Saya juga ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Buletin Q yang telah berjaya menerbitkan buletin edisi 8/2015 pada tahun ini sebagai tatapan dan perkongsian maklumat kepada semua kakitangan. Akhir kata, semoga kita akan sentiasa menjadi berkat bagi orang lain setiap hari dalam apa jua yang kita lakukan. Salam hormat.

**"DO WHAT WE CAN, WITH WHAT WE HAVE,
WHEREVER WE ARE"**


(DR CAMMIE SUKIM)

Pengarah Hospital.....
Hospital Pitas



Dari Meja Ketua Editor

Salam sihat 1 Malaysia, sehati dan sejiwa.

Buletin hospital kali ini memaparkan perkembangan aktiviti dalaman hospital melalui galeri gambar yang sesungguhnya menjadi pelengkap kepada peranan aplikasi facebook dan 'WhatsApp' yang kini semakin popular di kalangan semua kakitangan. Bagaimanapun, media digital masa kini yang sentiasa 'update' sebenarnya umpama embun di waktu pagi, yang akan hilang dan berlalu ditiup arus masa, kian jauh meninggalkan kita tanpa jejak. Meskipun jentera penerbitan buletin sedikit tersasar daripada jadualnya, namun tetap cermat menitip setiap butiran sejarah perkembangan perkhidmatan hospital. Oleh itu, kerjasama semua warga kreatif anggota hospital untuk meneruskan agenda buletin sebagai media rasmi tahunan akan dapat menyumbangkan idea dan banjir informasi yang bermanfaat untuk diwartakan menjadi saksi setia sepanjang masa demi menghargai persembahan semua anggota Hospital Pitas.

Semoga buletin ini akan dapat menjana minda yang sihat dan menjadi inspirasi semangat kerjasama sesama rakan dalam usaha kita menggenderai jentera perkhidmatan perubahan awam untuk memupuk budaya kerja yang berkualiti memangkin ke arah kejayaan akreditasi hospital.

Salam perkenalan dan selamat membaca :


PATRICK BIN MORINKA
Pegawai Perubatan
Pen. Pegawai Perubahan U2P
FPP/REG. No: 9183



SIDANG REDAKSI BULETIN

buletin.hpitas@moh.gov.my

Pengarah Eksekutif : **Dr. Cammie Sukim**

Penyelaras : **En. Patrick Morinka**

Eksekutif Promosi /Pengiklanan : **En. Roman Maniset**

Eksekutif ICT : **En. Joseph Tai Jern Cherng**

Seni Reka Grafik : **En. Patrick Morinka**

Setiausaha : **En. Paymond Mamat**

Jurufoto : **SRB Hospital Pitas & HMRC Pitas**

Ketua Editor : **En. Patrick Morinka**

Ketua Warta Kreatif : **Pn. Norlitha Bundah**

Kumpulan Wartawan Kreatif :

En. Lutfi Ahmad Soid (Farmasi)

Pn. Hismah A. Daran (Wad Kanak-Kanak)

Pn. Asni Asmat (Dewan Bedah)

Pn. Rhona A/k David (Dewan Bersalin)

KUMPULAN PENGURUSAN MEDIA

Pengarah Hospital : **Dr. Cammie Sukim**

Ketua Pegawai Tadbir (Eksekutif) : **En. Ruslee Ag. Jaya**

Ketua Unit Kejururawatan : **Matron Taipa @ Ipah Lakasa**

Ketua Unit Trauma & Kecemasan : **En. Hj. Khairun Naim Abdullah**

Ketua Unit Jabatan Pesakit Luar : **En. Junius Gimsek**

Ketua Unit Dewan Bersalin : **KJ. Jovinia Jaikol**

Ketua Unit Dewan Bedah : **En. Jameh Jam**

Ketua Unit Haemodialisis : **En. Rudy Manduon**

Ketua Unit Wad Lelaki : **KJ. Joanna Lahap**

Ketua Unit Wad Perempuan : **KJ. Rohani Amna**

Ketua Unit Wad Kanak-Kanak : **KJ. Asmahwati Osman**

Ketua Unit Farmasi & Bekalan : **En. Lui Kok Jeong**

Ketua Unit Patologi & Tabung Darah : **Cik Afilah Abd Gami**

Ketua Unit Pengimejan Diagnostik : **En. Fazri Mohd Zakaria**

Ketua Unit Bekalan Bahan Steril : **JT. Follerinc @ Florence John**

Ketua Unit Sajian : **Cik Isniharianti Bt Lokiman**

Ketua Unit Kerja Sosial Perubatan : **Pn. Fatmawatie Pirman**

Ketua Unit Teknologi Maklumat : **En. Joseph Tai Jern Cherng**

Ketua Unit Rehabilitasi : **En. Jeffery B. Uli**

Ketua Unit Rekod Perubatan : **Cik Razianie Bt Maidin**

Ketua Unit Hasil/Pendaftaran : **En. Ruslee Ag. Jaya**

Sub Unit Forensik : **En. Miharil Ruminggon**

Sub Unit Laktasi : **JMK. Norsiah Kasah**

Sub Unit Kawalan Infeksi : **JT. Batic Bidin**

Pengurus Sedafit Sdn. Bhd./HSS : **En. Rayner Mawing**



Setinggi-tinggi penghargaan di atas segala ehsan dan kebenaran oleh ketua unit, **Unit Teknologi Maklumat dan Informasi (ICT)** Hospital Pitas untuk dapat **mencetak** serta **menerbitkan** 50 naskah buletin untuk edaran. Sokongan yang kuat daripada semua Jawatankuasa **Pemandu Kualiti** di Hospital Pitas, badan pelaksana **Program Akreditasi** serta **Unit Kualiti Hospital Pitas** amatlah dihargai.

Penghargaan Dedikasi SRB



Disediakan oleh : Mr. Joseph Tai Jern Cherng

Kandungan

Perutusan Pengarah Hospital
Dari Meja Ketua Editor



6 Setitis Darah Sejuta Harapan



8 Success Story of
Bone Marrow Transplant



9 Perkhidmatan Baru : HDU



10 EKSA : Penjenamaan Semula



11 Survey Akreditasi Puncak Debaran



14 Wanita Berkerja &
Penyusuan Susu Ibu



15 Sambutan Hari Jururawat



16 Majlis Jasamu Dikenang



17 PERKIPS Pitas
Menggalas Wibawa



18 Hari Keluarga Hospital



19 Sambutan Hari PPP



20 Berita daripada SMRC



22 Potrait Cinta Sejati Bersatu

Bone Marrow Transplant

Pada bulan April 2011, kami mendapat panggilan telefon daripada Hospital Likas menyatakan giliran untuk rawatan pemindahan sumsum telah tiba dan kemudian kami berlepas ke Hospital Kuala Lumpur (HKL). Selama berada di HKL, kami telah diberikan layanan yang istimewa oleh semua kakitangan hospital. Kami serahkan segala urusan proses perawatan anak kami kepada semua para kakitangan hospital, di samping kami sentiasa berdoa kepada Allah SWT. ***

Akreditasi Puncak Debaran

Melalui program akreditasi ini telah dapat mencungkil longgokan kelemahan dan kekurangan yang sekian lamanya dipinggirkan supaya dapat diperbaiki dan ditambahbaik. Bahkan polisi operasi yang tersemedi di setiap bilik kini semakin lusuh di hujung jari para kakitangan kerana menjadi pemandu operasi yang justeru membina rantaian kerjasama dan semangat yang padu semua peringkat jawatan.***

Hari Jururawat

Para jururawat telah mendapat suntikan semangat dalam karier mereka dan dapat membuktikan bahawa mereka mampu tampil berbeza, anggun dan mempesona serta bertalenta bukan sekadar seorang jururawat.***

Jasamu Dikenang

Jasa dan segala pengorbanan Matron Taipa Lakasa untuk meningkatkan mutu serta produktiviti para jururawat telah secara langsung meningkatkan imej hospital sebagai antara jabatan yang terbaik di Daerah Pitas. ***

TALASEMIA


"Setitis Darah
Sejuta Harapan"

Talassemia adalah penyakit kecacatan darah, yang diwarisi daripada keluarga, yakni satu keadaan yang mana kecacatan gen menyebabkan haemoglobin dalam sel darah merah menjadi tidak normal. Mereka yang menghidap penyakit ini tidak dapat menghasilkan hemoglobin yang mencukupi dalam darah mereka.

Hemoglobin adalah bahagian sel darah merah yang mengangkut oksigen daripada paru-paru ke seluruh tisu dalam tubuh. Semua tisu tubuh manusia memerlukan oksigen. Akibatnya, penghidap akan kelihatan pucat kerana paras haemoglobin (Hb) yang rendah. Selain itu, pesakit talasemia juga berasa lesu, kurang bermaya dan mungkin sesak nafas sekiranya paras haemoglobin semakin menurun.

Tisu-tisu tubuh yang kekurangan oksigen secara berterusan akan gagal berfungsi dengan baik. Akibatnya tubuh mereka menjadi lemah, gagal berkembang dengan baik dan mereka boleh menjadi sakit teruk. Para pesakit Talasemia biasanya mempunyai paras bacaan haemoglobin yang rendah iaitu kurang daripada 10g/dl.

Sabah mencatatkan jumlah pesakit Talasemia yang tertinggi di Malaysia, dengan nisbah 1:20 daripada penduduk Malaysia adalah pembawa gen Talasemia.



Saringan Talasemia

Saringan ujian darah untuk Talasemia boleh dibuat di semua klinik dan hospital kerajaan atau swasta. Oleh itu, lakukanlah ujian darah tersebut untuk mengetahui status kesihatan anda. Tanpa rawatan yang sempurna, beberapa komplikasi boleh berlaku dan lazimnya mereka akan meninggal dunia pada usia yang masih remaja.



Antara Tanda & Gejala

Biasanya, pembawa Talasemia kelihatan normal sewaktu dilahirkan. Namun mereka akan mulai mengalami masalah anemia yang serius apabila mereka mencapai usia di antara 13 hingga 18 bulan.

- Tubuh kelihatan pucat, lemah dan gelisah
- Mudah mengalami kesukaran bernafas.
- Kulit jaundis
- Tumbesaran terbantut dengan perut buncit
- Perubahan pembentukan struktur tulang di muka, pipi dan rahang yang tidak normal.

Terdapat 2 jenis Talasemia iaitu:

- Talasemia **minor** : mereka yang mempunyai kecacatan gen talasemia tetapi tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit (pembawa).
- Talasemia **major** : mereka yang mempunyai gen talasemia sepenuhnya dan menunjukkan tanda-tanda penyakit (penghidap).

Sekiranya kedua-dua ibu dan bapa adalah pembawa gen Talasemia, risiko mewarisi penyakit adalah seperti berikut ;

- 25% mungkin anaknya adalah **pesakit** Talasemia
- 50% kemungkinan anaknya adalah **pembawa**
- 25% kemungkinan anaknya adalah **normal**

Persatuan Talasemia Malaysia



Projek Persatuan Talasemia Malaysia adalah untuk menghubungkan para penghidap talasemia, ibu bapa dan penjaga dengan anggota komuniti terpinggir seperti komuniti di luar bandar. Ia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang penyakit berkenaan, mewujudkan hubungan dua hala yang interaktif dengan menyediakan pangkalan data yang memudahkan kajian dan pembentukan polisi.

Disediakan oleh : JM Rhona A/K David

AKTIVITI PESAKIT TALASEMIA SEPANJANG TAHUN



1. PAMERAN TALASEMIA DAN 'SCREENING' SEMASA HARI PENERANGAN DAERAH PITAS

2. KEMPEN KESEDARAN DAN SARINGAN TALASEMIA PERINGKAT DAERAH KOTA MARUDU 2014



3. SAMBUTAN HARI TALASEMIA SEDUNIA



4. PAMERAN TALASEMIA DAN KEMPEN DERMA DARAH DI DATARAN BENGKOKA



5. MENGIKUTI PROGRAM "THALASSAEMIA ADVENTURE CAMP" DI OUTWARD BOUND KINARUT SABAH



6. MENGIKUTI KONVENSYEN TALASEMIA UNTUK PESAKIT & IBU/BAPA DI KOMPLEKS SUKAN LIKAS



7. PROGRAM PEMERIKSAAN MRI T₂* DAN DEXA SCAN DI RADIOLOGI HQE₁

Success Story of Bone Marrow Transplant



Unit Hematologi-Onkologi Pediatrik
Jabatan Pediatrik, Institut Pediatrik
Hospital Kuala Lumpur, Jalan Pahang
50586 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2615 5555 Samb: 6889 (Jabatan) 7326/6884
Fax: 03-2694 8187

Dr. Ong Eng Joe
Paediatric Haemato-Oncologist
Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah
Kota Kinabalu
Sabah

Ref: NUR HADEESYAH YONG
K/P: 580328-08-5196

Thank you for referring NUR HADEESYAH YONG
back to your team for continuation of treatment
29/04/2011 from her sister NUR HADEESYAH YONG

She is currently on:

1. Oral cyclosporine (CSA) 50mg b.i.d. once level is stable there is no cGVHD
2. Oral bactrim (TMP/SMX) 160/800mg b.i.d.
3. Oral nystatin 100mcg q.i.d.
4. IVIG 3000mg q.3w

To start iv ganciclovir 900mg q.d. ANC

To monitor Mg level

Her CVL can be removed 1 year off CSA

Latest Investigation

Hb- 7.7

BUSE- 7.3

T p/ab- 77/44 ALP- 137

CSA level- 63.7

Nur Hadeesyah Yong

♥ Nama Bapa : Edward Yong @ Faizul Bin Fazil

♥ Nama Ibu : Jaiba Bte Manyanyun

Asal : Kg. Kalumpang Pitas

Pesakit adalah anak ke-5 daripada lima orang adik beradik yang kesemuanya adalah perempuan. Lahir pada 28-4-2007, dan telah disahkan menghidap Talasemia pada umur 11 bulan, dengan simptom awal seperti kulit pucat, demam dan sering menangis. Apabila mendapat berita pengesahan penyakit ini, kami sebagai ibu bapa merasa amat terkejut kerana kerana keluarga terdekat sebelah bapa atau ibu tidak ada yang menghidap penyakit Talasemia. Namun setelah diberikan penerangan oleh pegawai perubatan dan berjumpa doktor pakar, kami menerimanya dengan sabar dan menganggap ini sebagai ujian daripada Allah.

Doktor telah menjelaskan bahawa pesakit Talasemia boleh disembuhkan dengan kaedah pemindahan sumsum tulang, namun perlu membuat beberapa ujian dan mencari penderma yang sesuai. Setelah beberapa kali berjumpa dengan doktor pakar, maka kami telah bersetuju untuk menjalani rawatan pemindahan sumsum. Mujurlah kesemua adik beradiknya sesuai sebagai penderma dan kami memilih anak yang ke-3 sebagai penderma. Bagaimanapun, kami terpaksa menunggu giliran untuk menjalani rawatan pemindahan sumsum yang akan dijalankan di Hospital Kuala Lumpur.

Semasa menunggu giliran, kami tetap meneruskan rawatan Talasemia seperti pemindahan darah, terapi ubat dan termasuklah suntikan Desferal. Antara cabaran yang kami hadapi ialah seperti selalu kekurangan bekalan darah di hospital dan memberi suntikan kepada anak sendiri tiga kali seminggu semasa waktu tidur. Rawatan ini berterusan sehingga anak kami berumur 4 tahun. Situasi ini bukanlah perkara yang mudah bagi kami, namun sebagai ibubapa, kami tetap kuatkan semangat demi kebaikan anak kami Nurhadeesyah.



Pada bulan April 2011, kami mendapat panggilan telefon daripada Hospital Likas menyatakan giliran untuk rawatan pemindahan sumsum telah tiba dan kemudian kami berlepas ke Hospital Kuala Lumpur (HKL). Selama berada di HKL, kami telah diberikan layanan yang istimewa oleh semua kakitangan hospital.

Kami serahkan segala urusan proses perawatan anak kami kepada semua para kakitangan hospital, di samping kami sentiasa berdoa kepada Allah SWT.

Setelah selesai menjalani pembedahan pemindahan sumsum dan lain-lain rawatan selama lebih kurang dua bulan di HKL, kami telah dibenarkan pulang ke Negeri Sabah dan meneruskan perawatan dan pemeriksaan susulan di Hospital Likas. Syukur alhamdulillah, sehingga pada hari ini, anak kami tidak lagi memerlukan rawatan transfusi darah, suntikan Desferal dan sebagainya, malah dia kelihatan semakin sihat, gembira dan dapat bersekolah seperti kanak-kanak yang lain.

Kepada ibubapa lain yang mempunyai anak penghidap thalasemia, janganlah cepat berputus-asa dalam merawat anak anda malah sentiasa kuatkan semangat dan yakinlah sepenuhnya kepada pihak hospital. Sesungguhnya pihak kakitangan hospital adalah begitu terlatih dalam mengendalikan hal-hal seperti ini, apatah lagi ditambah dengan teknologi canggih yang ada pada masa kini. Saya yakin bahawa tidak mustahil anak anda juga boleh sembuh seperti anak kami. Untuk pengetahuan juga, anak ke-3 kami iaitu penderma sumsum tersebut juga dapat menjalani kehidupan seperti biasa, aktif bersukan dan sedang berada di tingkatan empat.

Di sini, kami sekeluarga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan Hospital Pitas, Hospital Likas dan juga Hospital Kuala Lumpur di atas jasa baik dan layanan yang mesra serta tidak berputus-asa berusaha merawat anak kesayangan kami, Nur Hadeesyah sehingga menjadi sihat seperti apa yang ada pada hari ini.

Syukur alhamdulillah.



Perubatan Perkhidmatan Baru



Masa Operasi :

Waktu operasi :
Jam 8.00 am - 05.00 pm (Isnin - Sabtu)
Sesi Rawatan dibahagikan 2 kumpulan
Setiap sesi rawatan adalah selama 4 Jam
Sesi 1, 3 dan 5 : ISNIN, RABU dan JUMAAT
Sesi 2, 4, dan 6 : SELASA, KHAMIS dan SABTU



Unit Hemodialisis (**HDU**) telah mula beroperasi pada **30 November 2015** secara rasminya selepas majlis perasmian pembukaan pada 4 November 2015 oleh YB. Datuk Bolkihah Bin Hj. Ismail, ADUN N.3 Pitas merangkap Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian Negeri Sabah.

Unit ini telah dibuka untuk menyediakan perkhidmatan perawatan dialysis kepada para pesakit yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang peringkat 5 yang telahpun mempunyai 'blood access' sebagai pesakit luar di Hospital Pitas.

Pada peringkat awal, **HDU** telah dilengkapi dengan 10 buah mesin di mana 2 buah mesin adalah disumbangkan oleh syarikat **Sabah Energy Cooperation Sdn. Bhd.** Bagaimanapun, 2 buah daripada mesin hemodialysis kemudiannya telah dipindahkan ke Hospital Duchess of Kent Sandakan kerana keperluan mesin yang amat mendesak. Dengan kemudahan baru ini, semua pesakit yang telah didaftarkan sebagai perawatan jagaan harian yang berasal daripada Daerah Pitas dan Daerah Kota Marudu seramai 21 orang telah menerima manfaat dan seterusnya dapat meringankan beban kewangan para pesakit.



Pengenalan

Kekuatan Anggota

Penolong Pegawai Perubatan U32 KUP (Pos Basik Renal)	1 orang
Jururawat Terlatih U32 KUP (Pos Basik Renal)	1 orang
Penolong Pegawai Perubatan U29 (Pos Basik Renal)	1 orang
Jururawat Terlatih U29 (Pos Basik Renal)	2 orang
Pembantu Perawatan Kesihatan U11	2 orang

Jumlah Anggota : 7 orang



Credit Photo by : JVN Rays79 Image

Disediakan oleh : PPP Rudy Manduon

Amal EKSA

penjenamaan semula

Budaya kerja yang bersistematik adalah penjana produktiviti dan perkhidmatan yang berkualiti. Slogan kita, **"Ekosistem Kondusif Diutamakan"** adalah bertepatan dengan kehendak pelanggan yang mengharapkan sesebuah institusi perawatan kesihatan yang berkualiti, mesra pelanggan dan di dalam suasana premis hospital yang selesa serta persekitaran selamat.

Dengan itu, amalan kerja yang berkonsepkan 5S pada tahun yang lalu kini dijenamakan semula kepada EKSA yang lebih relevan dan kompetatif dari segi ruang, masa dan penjimatan kos kerana lebih praktikal dalam bidang perkhidmatan awam. Namun cabaran tetap mengekori setiap tingkat proses implimentasi terutamanya dari segi kos selenggara dan tenaga kerja yang benar-benar mahir serta berpengalaman kerana amalan EKSA lebih bersifat formal, rapi dan 'corporate interface' yang berinovatif cemerlang.

Demi mencapai misi dan objektif jabatan, Jawatankuasa EKSA terus digembeng padu melalui program lawatan benchmark ke hospital rujukan, membuat bengkel dan menganjurkan siri-siri pertandingan di antara unit. Selain itu, aktiviti promosi dan latihan secara berterusan dijalankan secara konsisten agar dapat meningkatkan 'awareness' dan seterusnya mampu menjana kreativiti anggota hospital. Hasilnya dapat dilihat apabila munculnya pelbagai 'tools' cara kerja yang telah dipamerkan dalam pertandingan Kreatif dan Inovatif di peringkat hospital.

Penyelaras EKSA :

En. Roman Maniset

Setiausaha EKSA:

Avie Sweety Anthony



Ringkasnya, amalan EKSA dan pembudayaan inovasi dalam pekerjaan harian telah memicu kepada nikmat mencipta di kalangan kakitangan hospital yang justeru telah berupaya menganjatkan produktiviti dan kualiti hasil kerja dengan kapasiti yang terhad. Lonjakan idea dan galakkan mencipta tanpa sempadan jawatan telah mengubah lanskap budaya kerja yang secara keseluruhannya menjurus kepada budaya persekitaran bersistem yang kondusif bagi semua peringkat jawatan.



Survey Akreditasi *Puncak Debaran*




Demam Akreditasi! Hasrat jabatan untuk memartabatkan mutu perkhidmatan agar setaraf dengan standard kualiti penjagaan kesihatan yang sedia ada di Malaysia malah diakui di peringkat antarabangsa telah menjadi agenda harian yang mendominasi minda dan perasaan setiap anggota hospital. Sesungguhnya, budaya seperti selamba, enggan dan suka bertangguh tidak lagi mendapat tempat di hati semua kakitangan hospital, apatah lagi semangat dan iltizam semua anggota diwarnai dengan penghargaan dan sokongan padu daripada pengarah hospital.

Hospital Pitas mendapat pentauliah Akreditasi julung kali selama 3 tahun daripada MSQH pada tahun 2010 di bawah pimpinan mantan Pengarah Hospital Dr. Francis Paul, kini menjadi pemangkin kepada lonjakan paradigm untuk mendapat semula pengiktirafan kualiti perkhidmatan pada penghujung tahun ini. Di bawah kepimpinan dan dedikasi pengarah, Dr. Cammie Sukim dan Mr. Lui Kok Seong selaku penyelaras akreditasi telah menampakkan hasil apabila semua unit dalam hospital menunjukkan perubahan yang memberangsangkan.

Menurut laporan setiausaha, JM. Norlina Pakok, diari akreditasi digalur mampat dengan pelbagai usaha penambahbaikan dan projek-projek naik taraf sistem perkhidmatan yang lebih bermutu dan memenuhi keperluan pelanggan di setiap unit. Melalui program akreditasi ini telah dapat mencungkil longgokan kelemahan dan kekurangan yang sekian lamanya dipinggirkan supaya dapat diperbaiki dan ditambahbaik. Bahkan polisi operasi yang tersemedi di setiap bilik kini semakin lusuh di hujung jari para kakitangan kerana menjadi pemandu operasi yang justeru membina rantaian kerjasama dan semangat yang padu semua peringkat jawatan seterusnya dapat memungkinkan impian hospital memperolehi sijil pengiktirafan semula akreditasi akan berjaya kelak.



Carta Perbatuan Akreditasi Hospital Pitas :



Gambar Bercerita Mengukir



Credit Photo by : JVN Rays79 Image / HMRC Pitas / SRB Hospital Pitas

Kenangan Melakar Sejarah



Credit Photo by : JVN Rays79 Image / HMRC Pitas / SRB Hospital Pitas

"Wanita Berkerjaya dan Penyusuan Susu Ibu" Mari Jayakan!

"Breastfeeding And Work" Let's Make It Work



Unit Laktasi Hospital Pitas adalah nadi inspirasi dan media penyampai maklumat melalui pendidikan kesihatan secara praktikal seperti tunjucara dan perundingan kepada semua pelanggan hospital, termasuklah kakitangan hospital sendiri. Badan ini berfungsi sebagai unit sokongan yang diselaras oleh KJ. Jovinia Jaikol sebagai penyelarar 'Hospital Rakan Bayi' dan dibantu oleh JMK. Norsiah Kasah sebagai Jururawat Laktasi yang merangkap setiasaha induk.

Antara aktiviti-aktiviti BFHI Tahun 2015

1. Kursus Laktasi 20 Jam Staff Klinikal (25 - 27 Ogos 2015)
2. Kursus Laktasi Non Klinikal - AKSI (28 Ogos 2015)
3. Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia (1 - 7 Ogos 2015)
4. Pertandingan Kuiz MPSI (7 Ogos 2015)
5. Hari Bersama Pelanggan (25 September 2015)

* Mendapat sijil pengiktirafan "Hospital Rakan Bayi" selama 3 tahun daripada 2014 - 2017.



PENAUNG :
DR. CAMMIE SUKIM

PENYELARAS HOSPITAL RAKAN BAYI (HRB)
KJ JOVINIA JAIKOL
JURURAWAT LAKTASI (Setiasaha induk HRB)
JMK NORSHAH KASAH

AJK/Urusetia HRB Hospital Pitas
JMK Sabrah Majin
JMK Noryati Baruas
JM Nonie Masang @Mansang
JM Rhona A/K David

Pengerusi AKSI
Pn. Rosni Ahmad
Setiasaha AKSI
PN. Martina Sumin

Let's make it work!

HARI Jururawat

12 Jun 2015



Sambutan Hari Jururawat bagi Peringkat Daerah Pitas yang diadakan setiap tahun yang bertempat di Dewan Majlis Daerah Pitas. Program sambutan pada tahun ini bertemakan pakaian 'Black & White' telah dihadiri oleh lebih 100 orang jururawat yang bertugas di KKIA Pitas, KK dan KD Kawasan Pitas telah digabungkan bersama kakitangan jururawat Hospital Pitas.

Majlis kali ini diserikan oleh kehadiran pengacara jemputan khas, juara Sugandoi Daerah Pitas yakni Encik Terryie Eddie. Turut memeriahkan acara lagi para jemputan VVIP seperti Dr. Cammie Sukim, Dr. Hazwani Hanum Hashim, Dr. Woon Kai Foo dan ramai lagi memberi inspirasi kepada kakitangan yang datang.

Acara sambutan pada tahun ini telah dirasmikan oleh Dr. Muhammad Jikal, Pegawai Kesihatan Kawasan Kudat telah menyampaikan beberapa anugerah yang dipertandingkan dalam majlis yang meriah ini. Antaranya anugerah kategori 'Queen of The Night' disandang oleh KUP. Lydia Chin manakala 'Queen Muslimah of The Night' dimenangi oleh JBT. Sarimah Pendikar. Akhir sekali, anugerah khas 'Nurse of The Year' tahun 2015 adalah menobatkan JT. Norlitha Bundah sebagai pilihan majoriti.

Turut memeriahkan majlis, acara seperti Karaoke terbuka, cabutan tiket bertuah, tari-menari dan lain-lain acara yang telah menghangatkan suasana. Semoga para jururawat telah mendapat suntikan semangat dalam karier mereka dan dapat membuktikan bahawa mereka mampu tampil berbeza, anggun dan mempesona serta bertalenta bukan sekadar seorang jururawat.



Majlis JASAMU DIKENANG

PERSARAAN JURURAWAT

Pada tahun ini, seramai dua jururawat akan bersara iaitu Penyelia Jururawat, **Matron Taipa @ Ipah Binti Lakasa** dan Jururawat Masyarakat **Pn. Jainap Binti Tasan**. Matron Taipa telah menamatkan perkhidmatan beliau pada tanggal 5 November 2015 manakala Pn. Jainap Tasan pula adalah pada 24 November 2015.

Sebagai menghargai jasa dan sumbangan Matron Taipa sepanjang kariernya di Hospital Pitas daripada tahun 2010 sehingga 2015, Unit Kejururawatan dan Unit Pengurusan telah mengadakan majlis perpisahan secara berasingan, yakni pada 8 Oktober di Unit Kejururawatan dan pada 5 November di Bilik Seminar Utama dengan dihadiri oleh semua kakitangan hospital.




Turut hadir adalah Pengarah Hospital Pitas, Dr. Cammie Sukim untuk menyampaikan hadiah cendera kenangan dan merasmikan persaraan kedua-dua penjawat awam ini. Sesungguhnya, jasa dan segala pengorbanan Pn. Taipa untuk meningkatkan mutu serta produktiviti para jururawat telah secara langsung meningkatkan imej hospital sebagai antara jabatan yang terbaik di Daerah Pitas.

Majlis ini juga sukacitanya menyambut ketibaan **Matron Norafshaneh Abd Hamid** selaku pengganti penyelia jururawat yang baru. Mandat dan harapan pihak hospital kini digalas dengan hati yang terbuka demi meneruskan kredibiliti, kualiti dan imej perkhidmatan profesion kejururawatan di Hospital Pitas.



PERKIPS

Menggalas WIBAWA



PERKIPS Pitas pada tahun ini sekali lagi dengan jayanya mengikuti acara Majlis Tilawah Al-Quran peringkat Pantai Barat Utara pada **17-18 April 2015**. Majlis tersebut telah dilangsungkan di Kem Bina Negara Kundasang, Daerah Ranau sebagai tuan rumah.

Antara acara yang dipertandingkan adalah Tilawah Al-Quran, pertandingan Hafazan, Bercerita, Pidato dan juga Nasyid. Dalam temasya tahun ini, wakil-wakil daripada hospital seperti acara Tilawah Al-Quran, Qari & Qariah, Pidato serta Nasyid hanya mendapat hadiah saguhati.

Bagaimanapun, bagi acara Hafazan, wakil PERKIPS Pitas berjaya menyandang sebagai naib johan. Wibawa para perwakilan PERKIPS Pitas yang membawa segunung harapan untuk menggalas tanggungjawab, akhirnya berjaya apabila beliau dinobatkan sebagai juara bagi acara bercerita.



Aktiviti PERKIPS Pitas Dalam Hospital :

Mengadakan aktiviti seperti Tahlil dan bacaan yassin yang diadakan sekali setiap sebulan di Bilik Seminar II Hospital Pitas dengan dihadiri oleh semua ahli PERKIPS Pitas dan keluarga.



Hari Keluarga



Sambutan Hari Keluarga Hospital Pitas telah diadakan pada 07 November 2015 di perkarangan Blok D Quarters Hospital Pitas, yang telah dirasmikan oleh pengarah hospital, Dr. Cammie sukim. Pelbagai aktiviti sukaneka telah dilaksanakan yang melibatkan kakitangan hospital dan ahli keluarga mereka.

Aktiviti dimulakan dengan senam robik yang dianjurkan oleh kakitangan Unit Patologi, seterusnya ucapan alu-aluan oleh penyelar Hari Keluarga, Pn. Asni Asmat sebelum acara perasmian.

Antara aktiviti yang berlangsung adalah seperti acara 'face painting', tendang bola tutup mata, tali terpanjang, acara menari di atas kertas, pertandingan mewarna peringkat kanak-kanak dan banyak lagi.

Aktiviti sambutan hari keluarga adalah program tahunan, dengan membawa objektifnya sebagai mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama anggota sejawat serta kerabat keluarga hospital amnya.



Sambutan Hari PPP

"dari kite saja bai tu"

Santai, acara sambutan Hari PPP di peringkat Hospital Pitas diadakan setiap tahun. Pada tahun ini telah diadakan di kawasan lapang garaj kereta Unit Sajian. Acara sambutan ini berlangsung dalam suasana yang cukup sederhana, yang dengan hormatnya turut mengundang semua pegawai perubatan dan pengarah hospital untuk merasmikan majlis.

Acara yang berkonsepkan 'ala-kampung' ini turut diserikan dengan aktiviti seperti Karaoke terbuka, Dinner dan acara bertukar-tukar hadiah di antara rakan sejawat. Sambutan tahun ini dibuat sekaligus menjadi majlis perpindahan kepada tiga rakan sejawat iaitu **En. Jandau Gagau, En. Rezer Dius dan Chief Stephen Nogiris Sabala**, selaku ketua unit di Jabatan Pesakit Luar. Beliau yang juga ahli Rungus Photographer Sabah bagaimanapun tidak dapat hadir atas sebab kesulitan dan kekangan tugas.

Namun, kekosongan jawatan ini telah disambut baik oleh **Chief Junius Bin Ginsok** daripada Klinik Kesihatan Tandek, yang juga merupakan mantan In-charge KK Kelumpang pada tahun 2006, adalah pegawai yang berpengalaman luas serta berkomitmen tinggi justeru menjadi anggota baru yang dapat menguatkan lagi kredibiliti Unit PPP di peringkat akar umbi.

Selain itu, majlis sukacitanya turut meraih dua orang pegawai baru, PPP u29 yang ditempatkan bertugas di hospital ini, iaitu En. Mohamad Firdauss Abdul Hamid dan En. Mohd. Zaini Kahar. Semoga dengan kehadiran mereka ini akan lebih memantapkan lagi mutu perkhidmatan dan imej PPP dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan Hospital Pitas amnya.



Khobar . . . daripada **SMRC**

1 - 5 September 2015



TEMASYA SUKAN 6 PENJURU KONTINJEN PITAS

TARIKH : **01 - 05 SEPT. 2015**
TUAN RUMAH : **HOSPITAL KUDAT**

Bersaing mengejar kejuaraan adalah igauan dan harapan setiap pasukan. Temasya sukan pada tahun ini bermula dengan pendaftaran para peserta pada jam 2:00 petang, 1 September di Padang Bandaran Kudat. Ketibaan kontinjen-kontinjen daripada 6 penjuru kawasan Pantai Barat Utara (PBU) Sabah bersama atlit-atlit yang terbaik telah membanjiri padang yang menghirau segar.

Acara sukan dimulakan secara rasminya pada jam 8.00 pagi, 2 September meskipun acara perasmian terpaksa ditangguhkan ke jam 2:00 petang mengikut kesesuaian situasi. Hospital Pitas telah menghantar seramai 85 orang peserta daripada 148 orang peserta keseluruhan Kontinjen Pitas, yang mewakili 12 acara mengikut kategori gender.





Antara acara yang disertai oleh Kontinjen Pitas ialah acara badminton, bola jaring, bola sepak, bola tampar, carom, dart, catur, futsal, ping pong, pool, sepak takraw dan tarik tali.

Berbekalkan semangat juang yang kental dengan rekod prestasi cemerlang para atlit, Kontinjen Pitas telah berjaya mendapat johan dalam 3 acara iaitu bola tampar (P), pool (L & P) dan catur (L & P). Manakala acara sepak takraw (L), bola sepak (P) dan futsal (P) hanya mendapat naib johan. Bagi acara tarik tali (L & P) pula, Kontinjen Pitas hanya berjaya di tangga ketiga.

Dari segi statistik kutipan pingat, wakil-wakil daripada Hospital Pitas telah berjaya menyumbang 14 pingat Emas, 12 pingat Perak dan 2 pingat Gangsa kepada jumlah kutipan pingat oleh Kontinjen Pitas. Secara keseluruhannya, Kontinjen Pitas telah berjaya menduduki tangga ke-3 dalam temasya sukan di peringkat Pantai Barat Utara, Sabah.

Meskipun bersaing sengit dengan pasukan lawan di waktu siang, namun suasana malam diwarnai kemeriahan acara santai di antara para peserta yang lantas menjadi titip kenangan yang boleh merawat kekecewaan di siang hari. Acara khas 'Gala Night' yang bertemakan 'Bollywood' telah dilangsungkan pada 4 September di Dewan Tun Mustapha Kudat.

Ringkasnya, semua peserta dan pengurus pasukan diucapkan tahniah dan syabas kerana telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan berjaya mengharumkan nama Daerah Pitas di persada pantai barat utara Sabah. Semoga para atlit daripada Pitas akan dapat menjadi anggota kesihatan yang 'versatile' dan mampu menjadi jurulatih berpengalaman dan seterusnya dapat mencungkil bakat-bakat baru pada tahun hadapan di kalangan anggota kakitangan kesihatan. Syabas !



Potrait

"Ginta sejati bersatu"



Dr. Pee Nai Eng & Esther
10 Oktober 2015



Mr. Jerry Misin & Avie Sweety Anthony
30 Mei 2015



Mr. Sanin Kiram & Duhina Moksan
19 November 2015



Mr. Declement Damianus & Christina Paulinus
21 November 2015



Mr. Samadi Mahmud & Siti Fazidah Sidek
04 Jun 2015



Mr. Burhan Andas & Sakilah Basir
19 September 2015

TAHUKAH ANDA MENGENAI PEMATUHAN WAKTU BEKERJA PENJAWAT AWAM



Kegagalan anda mematuhi waktu bekerja adalah **MENYALAH** Perintah Am 5, Perintah Am Bab G Waktu Bekerja dan Lebih Masa 1974 dan Peraturan 24 (1) dan (2) Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

KETUA JABATAN perlu memantau pergerakan pegawai dengan **MEMASTIKAN** mereka mendapat **KEBENARAN** sebelum meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja

SILA PATUHI WAKTU BEKERJA ANDA

WP1 : 07.30 – 04.30

WP2 : 08.00 – 05.00

WP3 : 08.30 – 05.30

WAKTU REHAT :

Isnin – Khamis : 1.00 – 2.00

Jumaat : 12.15 – 2.45



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

HOSPITAL PITAS

akan berusaha
mewujudkan individu, keluarga
dan masyarakat yang sihat dan makmur
berteraskan perkhidmatan perubatan
yang berkualiti
melalui pasukan personnel yang terlatih,
mahir, berkomitmen, inovatif, proatif
dan prihatin dengan perkongsian
dan penglibatan masyarakat setempat
yang berterusan.

Hospital Pitas akan memberi
kemudahan rawatan perubatan
yang berkualiti kepada masyarakat
dengan cekap, berkesan dan telus
berdasarkan prinsip-prinsip
Budaya Korporat
Kementerian Kesihatan
Malaysia.



“ Penjawat awam adalah diingatkan untuk terus memberikan tumpuan dan komitmen dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat selaras dengan Agenda Transformasi Nasional dengan tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang boleh disifatkan sebagai mencemarkan imej perkhidmatan awam dan menjejaskan ketenteraman dan keselamatan negara.”

21 Julai 2015
TAN SRI DR ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA MALAYSIA

